

PEPERIKSAAN AKHIR (PA) SEMESTER SESI II : 2023/2024
POLITEKNIK SULTAN MIZAN ZAINAL ABIDIN (PSMZA)

1. PEPERIKSAAN AKHIR (PA) SEMESTER SESI II: 2023/2024

PA Sesi II : 2023/2024 (PSMZA) akan bermula pada **25 MEI 2024 - 14 JUN 2024**. Pelajar dimohon untuk merujuk Jadual Peperiksaan Akhir Selaras Politeknik Sesi II : 2023/2024 yang telah dimuat naik dalam web PSMZA sebelum ini. Pelajar juga boleh merujuk SPMP masing-masing untuk menyemak jadual tersebut.

2. SYARAT LULUS KEDUA-DUA PENTAKSIRAN PENILAIAN KERJA KURSUS (PKK) DAN PEPERIKSAAN AKHIR (PA)

Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Bil. 1/2023 bersetuju menetapkan syarat perlu lulus PKK dan PA bagi semua Program Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti mulai Sesi II : 2022/2023. Markah lulus yang ditetapkan ialah PKK=40% dan PA=20% bagi semua program kecuali program DDT yang telah melaksanakan syarat ini terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, bagi program DDT markah yang ditetapkan ialah 40% bagi PKK dan PA. Oleh itu pelajar perlu lulus kedua-dua penilaian (PKK dan PA) dan jumlah markah keseluruhan mestilah melebihi 40% bagi melayakkan pelajar lulus sesuatu kursus.

3. SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENDUDUKI PEPERIKSAAN AKHIR

Pelajar hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut sebelum layak menduduki Peperiksaan Akhir (PA):

- i. telah mendaftar kursus berkenaan; dan
- ii. telah menghadiri 80% atau lebih kuliah/tutorial/amali bagi jangkamasa yang telah ditetapkan.
- iii. lulus Penilaian Kerja Kursus (PKK), mendapat 40 markah dan ke atas untuk semua kursus.

4. KEHADIRAN SEMASA PEPERIKSAAN AKHIR

Pelajar hendaklah menduduki sesuatu peperiksaan akhir (PA) bagi kursus-kursus yang memerlukannya berbuat demikian mengikut ketetapan sepertimana Jadual PA Selaras Sesi II : 2023/2024. Jika pelajar tidak dapat hadir dengan alasan yang munasabah, pelajar/wakil pelajar hendaklah membuat pemakluman kepada Pensyarah Kursus yang berkenaan dan seterusnya memaklumkan sebab-sebab tidak hadir dengan kadar segera secara bertulis (sertakan dokumen yang berkaitan; contoh sijil sakit/laporan polis/surat kebenaran) kepada Pengarah, dan mendapatkan kelulusan secara bertulis mengenainya.

Bagi pelajar yang tidak menghadiri PA tanpa alasan yang munasabah atau pelajar yang dihalang dari menduduki PA sebagai satu hukuman yang diputuskan oleh pihak berkuasa tatatertib politeknik, pelajar akan diberi **Gred F** dengan **Nilai Mata 0.00** bagi kursus berkenaan. Pelajar dikira telah mengambil dan gagal kursus berkenaan.

5. ARAHAN-ARAHAN AM PEPERIKSAAN AKHIR (PA)

Semua calon hendaklah mematuhi arahan-arahan berikut:

- 5.1 calon dikehendaki hadir untuk menduduki peperiksaan pada tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan;
- 5.2 calon diminta bersedia di luar dewan/bilik peperiksaan lima belas (15) minit sebelum peperiksaan dimulakan;
- 5.3 calon dilarang masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan sehingga diarahkan berbuat demikian;
- 5.4 calon hendaklah masuk dengan tertib mengikut laluan yang telah ditetapkan;
- 5.5 calon yang lewat lebih daripada tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan dimulakan adalah dilarang masuk ke dewan/bilik peperiksaan dan seterusnya tidak boleh menduduki peperiksaan bagi kursus tersebut;
- 5.6 calon yang lewat tetapi tidak melebihi tiga puluh (30) minit daripada waktu peperiksaan dimulakan akan dibenarkan menduduki peperiksaan tetapi waktu tamat peperiksaan bagi kursus tersebut adalah sama dengan calon lain;
- 5.7 calon dilarang membawa masuk ke dalam atau keluar dewan/bilik peperiksaan apa-apa buku, kertas, dokumen, gambar atau sebarang alat/bahan yang terdapat catatan bertulis kecuali yang dibenarkan oleh Pengawas Peperiksaan;
- 5.8 calon dilarang menerima apa-apa kertas, buku, dokumen, gambar atau sebarang alat/bahan yang terdapat catatan bertulis daripada mana-mana orang lain semasa di dalam dewan/bilik peperiksaan berlangsung kecuali daripada Pengawas Peperiksaan;
- 5.9 calon tidak boleh merujuk dan menggunakan sebarang bahan rujukan yang dilarang di dalam atau di luar dewan/bilik peperiksaan bagi keperluan peperiksaan semasa peperiksaan sedang berjalan;
- 5.10 calon dilarang membawa masuk sebarang alat elektronik kecuali dibenarkan oleh Pengawas Peperiksaan;
- 5.11 setelah masuk ke dalam dewan/bilik peperiksaan calon hendaklah duduk di tempat yang telah ditentukan;
- 5.12 calon dikehendaki membawa Kad Pelajar. Kegagalan membawa kad pelajar boleh menyebabkan calon dihalang daripada memasuki dewan/bilik peperiksaan untuk menduduki peperiksaan kecuali mendapat kebenaran bertulis Pegawai Peperiksaan untuk menduduki peperiksaan bagi kursus yang berkenaan sahaja;
- 5.13 calon dikehendaki mengisi maklumat di muka hadapan buku jawapan, memahami dan menurunkan tandatangan pada bahagian yang disediakan setelah diarahkan oleh Ketua Pengawas Peperiksaan;
- 5.14 calon adalah dilarang menulis nama, nombor pendaftaran atau apa juar tanda pengenal peribadi pada bahagian lain buku jawapan tersebut;
- 5.15 calon dilarang membuka mana-mana kertas soalan yang telah diedarkan sebelum diarah berbuat demikian;
- 5.16 calon hendaklah membaca dengan teliti dan mematuhi semua arahan yang tercetak pada soalan peperiksaan dan muka hadapan skrip jawapan;

- 5.17 calon hendaklah memastikan bahawa mereka telah menerima kertas soalan yang betul dan sempurna. Sekiranya calon mendapati telah diberikan kertas soalan yang salah, calon hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pengawas Peperiksaan yang bertugas;
- 5.18 calon hanya boleh mula menjawab apabila diarahkan dan dikehendaki berhenti menjawab apabila diarahkan berbuat demikian;
- 5.19 calon dilarang meninggalkan dewan/bilik peperiksaan dalam tempoh tiga puluh (30) minit selepas peperiksaan bermula dan lima belas (15) minit sebelum peperiksaan tamat. Dalam keadaan tertentu di mana calon perlu keluar dan masuk semula, kebenaran daripada Pengawas Peperiksaan adalah diperlukan dan calon hendaklah di bawah pengawasan;
- 5.20 calon dilarang makan dan minum di dalam dewan/bilik peperiksaan;
- 5.21 calon dilarang membuat sebarang perlakuan yang boleh mengganggu calon lain dan kelancaran peperiksaan;
- 5.22 pada akhir peperiksaan, calon hendaklah memastikan bahawa skrip jawapan disusun dan diikat dengan sempurna sebelum dikutip oleh Pengawas Peperiksaan; dan
- 5.23 calon hendaklah duduk di tempat duduknya selepas tamat peperiksaan dan hanya dibenarkan keluar dewan/bilik peperiksaan selepas mendapat arahan daripada Pengawas Peperiksaan.

Bagi kes-kes pelajar yang berkeperluan khas semasa peperiksaan akhir, pelajar perlu mengemukakan permohonan secara bertulis untuk dipertimbangkan oleh Pengarah.

Calon dilarang meniru, cuba meniru atau memberi tiru dengan apa-apa cara juar semasa peperiksaan.

Dalam keadaan-keadaan tertentu, Pengarah atau Pegawai Peperiksaan boleh mengubahsuai arahan-arahan di atas mengikut budi bicaranya.

6. PENYELEWENGAN AKADEMIK

- 6.1 Pelajar tidak dibenarkan melakukan mana-mana penyelewengan akademik seperti berikut:
 - i. meniru atau cubaan meniru atau memberi tiru dalam penilaian;
 - ii. menipu atau cubaan menipu dalam penilaian.
- 6.2 Larangan Terhadap Plagiarisme (Akta 174). Rujuk *Perkara 16.2 Buku Arahan-Arahan Peperiksaan Dan Kaedah Penilaian (Diploma)* Edisi 6, Jun 2019.

7. PELANGGARAN PERATURAN, ARAHAN-ARAHAN AM PEPERIKSAAN AKHIR DAN PENYELEWENGAN AKADEMIK

- 7.1 Seseorang pelajar yang didapati melanggar mana-mana Arahan-Arahan Am Peperiksaan Akhir pada perkara 5.1 boleh dikenakan tindakan seperti berikut:
 - 7.1.1 Amaran; atau
 - 7.1.2 dimansuhkan markah penilaian bagi kursus berkenaan dan diberikan Gred F dengan Nilai Mata 0.00.

- 7.2 Pelajar yang telah dibuktikan melakukan Perkara 6.1 (i) akan dimansuhkan markah peperiksaan akhir bagi semua kursus yang diambil pada semester berkenaan.
- 7.3 Pelajar yang telah dibuktikan melakukan Perkara 6.1 (ii) atau Perkara 6.2 akan dimansuhkan penilaian bagi kursus berkenaan dan diberikan Gred F dengan Nilai Mata 0.00.
- 7.4 Selain daripada Perkara 7.1, 7.2 dan 7.3, pelajar-pelajar yang melanggar Peraturan Peperiksaan juga boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti yang diperuntukkan di bawah Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1976 – Akta 174 (Pindaan 2012) - Bahagian V Tatacara Tatatertib.

8. PENUTUP

Pelajar dimohon untuk merujuk **Buku Arahan-Arahan Peperiksaan Dan Kaedah Penilaian (Diploma) Edisi 6, Jun 2019** untuk maklumat yang lebih terperinci. Sekiranya ada sebarang pertanyaan/kemusykilan berkaitan perjalanan peperiksaan, pelajar boleh menghubungi Penasihat Akademi/Pensyarah Kursus atau Unit Peperiksaan PSMZA di talian 09-8400825.

***UPEP PSMZA
SESI II : 2023/2024***

Sumber:

- Buku Arahan-Arahan Peperiksaan Dan Kaedah Penilaian (Diploma) Edisi 6, Jun 2019
- Mesyuarat Pengurusan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) Bil. 1/2023
- Mesyuarat Lembaga Peperiksaan dan Penganugerahan Sijil/Diploma Politeknik Bil. 3/2023